

# Wujudkan sistem amaran awal banjir

ALOR SETAR 12 Nov. – Sistem amaran banjir di negeri ini perlu dipertingkatkan dengan penduduk diberitahu lebih awal bagi membolehkan persiapan dibuat bagi menghadapi bencana alam itu pada masa depan.

Puteri Sultan Kedah, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim berkata, langkah tersebut penting bagi membolehkan pen-

duduk membuat persiapan awal.

Cara itu juga kata beliau akan mampu mengelakkan mereka daripada menanggung kerugian besar kerana tidak sempat menyelamatkan harta benda daripada dimusnahkan oleh banjir.

Beliau yang juga Komander Rejimen 513 Askar Wataniah (AW) berkata, pada masa ini sistem amaran

sedia ada belum cukup berkesan dan ada juga penduduk yang mengambil mudah amaran yang diberikan.

Katanya, penyebaran amaran awal banjir secara luas amat penting terutamanya kepada penduduk kampung yang tidak mempunyai akses dengan maklumat.

“Sistem yang berkesan memerlukan usaha terancang kerana ia me-

libatkan banyak pihak seperti kerajaan negeri, Kerajaan Pusat, jabatan dan agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Saya percaya kita perlu pada sistem ini terutamanya selepas melihat kesan kemusnahan yang berlaku di negeri ini akibat banjir minggu lalu,” katanya kepada para pemberita selepas majlis penyampaian bantuan

banjir oleh Komander Rejimen 516 AW di Kem Bukit Pinang, Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Turut hadir, Komander Rejimen 516 AW, Tan Sri Liew Yun Fah; Asisten Panglima Pasukan Simpanan, Markas Tentera Darat, Datuk Fazlurrahman Mohammad dan Timbalan Komander Rejimen 513 AW, Leftenan Kolonel Sahimi Hashim.